

TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

SEMPENA

**‘MAJLIS MAKAN MALAM
YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
BERSAMA AHLI-AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN PELAJARAN’**

PADA

**25 OKTOBER 2017 (SELASA)
8.00 MALAM**

**BERTEMPAT DI
ALBATROSS HALL, SUTERA HARBOUR MARINA,
GOLF & COUNTRY RESORT
KOTA KINABALU, SABAH**

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Anak Belaun
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati
Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Seterusnya

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, pada malam yang berbahagia ini, kita dapat berkumpul di dalam Majlis Makan Malam Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Anak Belaun bersama Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Sebelum saya meneruskan ucapan aluan ini, izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan isteri Yang Berbahagia Datin Jacklyne Anak Anthony ke majlis makan malam ini.

2. Sesungguhnya kami amat berterima kasih dan berbesar hati di atas kesudian Yang Berhormat Menteri dan isteri untuk hadir ke majlis makan malam ini, walaupun diberitahu Yang Berhormat Menteri mempunyai jadual yang padat khususnya terlibat dalam Sidang Dewan Rakyat yang sedang berlangsung di Parlimen. Bagaimanapun, kehadiran Yang Berhormat Menteri pada malam ini menunjukkan komitmen dan perhatian beliau sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

Yang Berhormat Datuk dan para hadirin sekalian

3. Untuk makluman semua, majlis makan malam ini bertujuan memperkenalkan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (ASJ) yang baharu dilantik pada penghujung tahun 2016 kepada Yang Berhormat Menteri. Seramai sembilan orang bekas Pegawai Kerajaan berprestasi tinggi khususnya bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong untuk dilantik sebagai ASJ bermula 1 Disember 2016 sehingga penghujung November 2019.

4. Lantikan ASJ baharu ini diharap dapat terus memastikan peranan SPP sebagai Badan Kuasa Melantik Pegawai Perkhidmatan Pelajaran (PPP) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti. Peranan ini sangat penting kerana tugas mereka bukan sahaja memilih, menemu duga dan melantik tetapi juga memastikan calon paling layak dalam usaha merealisasikan hasrat Kerajaan melahirkan modal insan masa hadapan yang bukan sahaja cemerlang pendidikan duniawi tetapi juga hebat pengetahuan ukhrawi.

Yang Berhormat Datuk dan para hadirin sekalian

5. Bercakap mengenai urusan pengambilan, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, SPP baharu sahaja selesai dengan urusan temu duga untuk mengisi kekosongan jawatan AKP. Urusan temu duga telah diadakan di enam buah Negeri iaitu bermula dengan Negeri Johor pada awal bulan ini diikuti Negeri Pahang, Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perak yang berakhir semalam. Urusan temu duga ini melibatkan panggilan seramai 6,077 orang calon bagi jawatan Pembantu Pengurusan Murid, Penyelia Asrama, Pembantu Makmal dan Pembantu Operasi.

6. Saya turut difahamkan atas permintaan dan keperluan pengisian kekosongan jawatan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), urusan temu duga AKP ini akan diteruskan pada bulan November ini bagi Putrajaya, Melaka dan Negeri Sembilan melibatkan seramai 3,920 orang calon yang turut melibatkan jawatan yang sama. Keputusan bagi kesemua urusan temu duga ini akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi SPP sebelum hujung tahun ini dan penempatan akan dibuat menjelang Januari 2018 oleh KPM.

Yang Berhormat Datuk dan para hadirin sekalian

7. Sesungguhnya, tugas SPP bersama ASJ tidak terhenti meliputi urusan pengambilan dan perkhidmatan sahaja. Kehadiran kami ke Negeri Sabah ini membawa hasrat dan hajat yang menggunung. Selain daripada majlis makan malam dan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 1055 yang bakal berlangsung esok, kehadiran kami di sini juga untuk turun padang serta mendekati lebih kurang 350 orang barisan hadapan warga pendidikan Negeri Sabah melalui program dialog interaktif.

8. Dialog interaktif yang dimaksudkan adalah Program Bual Bicara Warga Pendidikan Sabah yang akan diadakan pada di Auditorium , Blok A, Mini Putrajaya Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah (KPKPS) pada 27 Oktober ini pukul 8.00 pagi. Program bual bicara ini merupakan edisi kedua selepas penganjuran pertama kali di Pulau Langkawi, Kedah. Kejayaan edisi pertama membawa kepada penganjuran kali ini. Melalui program ini SPP dan ASJ dapat menyelami isu dan permasalahan diakar umbi selain menjadi medan bertukar dan berkongsi pengalaman antara ASJ dan barisan hadapan pendidikan Sabah.

Yang Berhormat Datuk dan para hadirin sekalian

9. Malam ini juga, dengan rasa berat hati kita akan turut sama-sama meraikan tamatnya tempoh perkhidmatan dua orang Ahli Suruhanjaya yang dihormati. Tuan Haji Osman bin Abdul Aziz dan Tuan Haji Morazuki bin Hashim masing-masing akan menamatkan perkhidmatan sebagai Ahli Suruhanjaya pada 4 Disember 2017. Seluruh warga SPP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan pengalaman yang telah tuan haji berdua curahkan bermula 5 Disember 2014.

10. Sesungguhnya perkhidmatan yang telah diberikan dan legasi yang akan ditinggalkan oleh tuan haji berdua akan terus menjadikan SPP sebagai sebuah badan kuasa melantik yang dinamik, efektif dan berintegriti. Diharapkan tempoh persaraan selepas ini bukanlah penamat tetapi kesinambungan kepada sumbangan khususnya dalam pembangunan pendidikan negara kerana pengalaman, pandangan dan buah fikiran tuan haji berdua tidak ternilai dan perlu dikongsikan. Terima kasih sekali lagi kami ucapkan.

Yang Berhormat Datuk dan para hadirin sekalian

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan aluan ini, ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan isteri kerana sudi hadir ke Majlis Makan YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun bersama Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Semoga majlis ini akan menjadi jalinan silaturahim dan tautan kasih antara barisan ASJ, Pengurusan SPP dan Yang Berhormat Menteri selaku peneraju SPP.

12. Akhir kata daripada saya...

Jelita Sungguh Sumandak Puteri

Manis Bersimpuh Atas Jerami

Terima Kasih Datuk Menteri

Kerana Sudi Memeriahkan Majlis Kami

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.